

Bubur lambuk Malta, kurma pelepas rindu Ramadan

Mangsa sindiket dadah jalani
puasa dalam serba kekurangan

B.M. 619109 MISE

KUALA LUMPUR: "Saya rasa pilu dan rindu sangat suasana Ramadan di Malaysia, terutama ketika berbuka bersama keluarga, namun juadah bubur lambuk dan buah tamar yang dibekalkan ketika berbuka di sini membantu melepaskan kerinduan itu," kata Norfaizura Azura Md Lias.

Wanita Malaysia itu kini ditahan di Penjara Malta, kerana diperalat sindiket dadah antarabangsa, tahun lalu.

Norfaizura Azura yang dihubungi, berkata ini kali pertama dia menjalani ibadat puasa di penjara itu selepas ditahan pihak berkuasa negara itu awal 2008 dan juadah itu dibekalkan pihak berkuasa.

"Bubur lambuk yang dibekalkan dimasak oleh banduan Islam di penjara bersebelahan dan kemudian dihantar kepada saya dan seorang lagi tahanan Muslim di sini. Kami berbuka puasa berdua saja. Rasa bubur lambuk itu sama cuma warnanya berlainan iaitu kemerah-merahan. Sesekali kami diberikan makanan lain seperti 'spaghetti'," katanya.

Norfaizura Azura ditahan pihak berkuasa Malta kerana disyaki menyeludup dadah pada 17 Mac tahun lalu di pulau itu.

Dia yang kini direman sementara kesnya disebut semula di mahkamah, adalah antara dua rakyat Malaysia ditahan di pulau itu selepas menjadi mangsa sindiket yang menawarkan pekerjaan bergaji lumayan di Eropah.

Wanita berasal dari Perak itu dan Dayang Sakienah Mat Lazim, 20, dari Bukit Payung, Terengganu, juga direman di penjara sama, berlepas ke Madrid, Sepanyol Januari tahun lalu. Bagaimanapun, sebaik tiba di Madrid, mereka dikurung dan dipaksa menjadi penghantar dadah sebelum ditahan di Malta.

Norfaizura Azura, 29, berkata, dia tidak dapat menuaikan ibadat puasa di penjara ini tahun lalu kerana dalam



Disebabkan hanya kami berdua Muslim, pengurusan penjara tidak membekalkan makanan untuk bersahur"

Norfaizura Azura

Md Lias

Rakyat Malaysia di Penjara Malta

keadaan berpantang selepas melahirkan bayi, Norshahana Maria Azrul Azwa, yang juga genap setahun usianya semalam.

"Secara kebetulan di Malta ketika ini mengalami musim panas dan suhunya mencecah hingga 40 darjah Celsius.

"Jadi saya berpuasa dalam keadaan yang sangat meletihkan, malah untuk berdiri pun rasa begitu lemah sekali. Namun bayi saya tidak ada masalah kerana dia ditempatkan di bilik berhawa dingin," katanya.

Norfaizura Azura berkata, jika bubur lambuk menjadi pengubat rindu suasana waktu berbuka di Malaysia, dia berhadapan sedikit kesukaran dengan juadah bersahur.

"Disebabkan hanya kami berdua Muslim, pengurusan penjara tidak membekalkan makanan untuk bersahur. Jadi saya terpaksa menjamah apa saja makanan yang ada, termasuk biskut dan mi segera. Apa yang pasti suasana Ramadan di sini sangat berbeza kerana perbezaan agama dan saya perlu banyak bersabar kerana tiada sikap toleransi di kalangan tahanan pelbagai bangsa yang ada di sini.

"Bagi Aidilfitri nanti pula, rasanya tiada persiapan saya akan buat kerana hanya kami berdua di sini...saya cuma berdoa sajalah," katanya.

Norfaizura Azura berkata, dia menghubungi suaminya, Arzul Azwa Mat Saad, 34, beberapa hari lalu bagi melepas rindu kepada keluarganya.

"Suami ada beritahu dia dan anak bukan saja rindukan saya, malah masakan saya," katanya yang kini sibuk mengikuti kelas bahasa Inggeris dan Itali serta kelas komputer.